

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 63

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan prestasi Net Energy Metering (NEM) pada tahun 2019 berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini. Sama ada Kerajaan bersedia memberikan insentif cukai pendapatan bagi pihak-pihak yang terlibat dalam NEM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Program *Net Energy Metering* (NEM) telah diperkenalkan pada tahun 2016 dengan penawaran kuota sebanyak 500MW untuk tempoh 2016 sehingga tahun 2020. Sehingga bulan Mei 2019, sebanyak 849 permohonan NEM telah diluluskan dengan kapasiti 44.95 megawatt (MW).
2. Prestasi pelaksanaan NEM pada tahun 2019 adalah lebih baik berbanding tahun-tahun sebelumnya. Sebanyak 384 permohonan dengan kapasiti sebanyak 21.46MW telah diluluskan pada tahun 2019 sahaja berbanding 465 permohonan dengan kapasiti 23.5MW untuk tempoh 3 tahun iaitu 2016-2018. Lonjakan dalam prestasi pelaksanaan NEM pada tahun 2019 ini adalah berikutan langkah Kerajaan baharu menetapkan harga jualan tenaga ke grid di bawah program ini pada kadar tarif semasa yang lebih tinggi berbanding dengan kadar *displaced cost* yang lebih rendah.
3. Kerajaan menjangkakan peningkatan ketara bagi pelaksanaan NEM bagi tahun 2019 dan 2020 dengan adanya skim baharu ini. Oleh itu, Kerajaan berpandangan bahawa tiada keperluan untuk memperkenalkan insentif baharu bagi menggalakkan NEM buat masa ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa jumlah tanah terbiar khususnya di daerah Sik, negeri Kedah serta seluruh negara dan apakah perancangan Kementerian untuk memajukan tanah-tanah terbiar tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan tanah terbiar yang direkodkan di Semenanjung Malaysia adalah seluas 119,000 ha dan daripada jumlah tersebut, luas tanah terbiar yang direkodkan bagi negeri Kedah adalah seluas 5,500 ha. Manakala bagi daerah Sik, keluasan tanah terbiar adalah seluas 345.50 ha melibatkan 266 lot.
2. Antara usaha dan perancangan Kementerian untuk memajukan tanah-tanah terbiar tersebut adalah :
 - i. Menerusi **Projek Pembangunan Tanah Terbiar** dengan pemberian bantuan-bantuan seperti berikut:

- a) Input pertanian berupa benih, baja, racun, mesin dan peralatan kecil;
 - b) Pembersihan kawasan yang telah dikenalpasti seperti kerja-kerja perataan tanah;
 - c) Pembangunan infrastruktur seperti pemasangan sistem pengairan dan saliran serta pembinaan jalan ladang dengan kadar maksimum sebanyak RM20,000/ha; dan
 - d) Memberikan khidmat nasihat dan perundingan khususnya aspek teknikal penanaman.
- ii. Mensasarkan seluas 100 ha tanah terbiar dengan bilangan pengusaha 50 orang setiap tahun. Sehingga kini, seluas 10,199.19 hektar tanah terbiar telah dibangunkan di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung Malaysia sahaja seluas 8,095.39 hektar tanah terbiar telah dibangunkan dengan penglibatan seramai 6,080 orang petani.
- iii. Memastikan kelangsungan projek dengan menggalakkan tanaman kekal seperti durian dan nangka di samping tanaman singkat masa atau tanaman kontan bagi memastikan petani memperolehi pendapatan tambahan yang berterusan. Sebagai contoh di Kg Salit, Jitra, Kedah, seorang pegusaha mengusahakan tanah terbiar seluas 2.8 hektar untuk jagung manis dan 0.9 hektar relung untuk tanaman pisang berangan berjaya memperoleh pendapatan sebanyak RM15,000 bagi semusim jagung dan RM30,000 untuk pisang setiap kali penuaian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 65

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan apakah signifikan dan justifikasi pelaksanaan membuat Kertas Konsultasi Rakyat sedangkan jelas diketahui umum bahawa apa yang diinginkan oleh rakyat adalah agar Kerajaan menunaikan janji manifesto untuk menangguhkan pembayaran bagi peminjam bergaji kurang dari RM4000 sebulan dan memansuhkan dasar senarai hitam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) adalah bertujuan untuk mendapatkan input serta cadangan yang menyeluruh daripada segenap lapisan rakyat bagi membantu kerajaan membuat keputusan mengenai dasar serta halatuju terbaik untuk PTPTN. Di samping mengekalkan cadangan untuk menangguhkan pembayaran bagi peminjam bergaji kurang dari RM4000 sebulan, KKR juga mencadangkan sembilan (9) idea tambahan untuk pertimbangan rakyat.

Dapatan daripada KKR akan diperhalusi oleh satu Panel Penasihat Khas bagi mengenalpasti cadangan terbaik yang akan digunakan sebagai mekanisme pembayaran balik PTPTN, seterusnya akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan.

Sekian, terima kasih.

RJM 132

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN : 66

SOALAN

Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rasional untuk menutup beberapa cawangan pejabat pos di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pos Malaysia memberikan perkhidmatan pos dan kurier kepada rakyat Sabah melalui 43 buah Pejabat Pos Tetap, 9 buah Pejabat Pos Bergerak (Pos on Wheels - PoW), 6 buah Pejabat Pos Mini dan juga 8 Pusat Pos Laju termasuk sebuah kiosk Pos Laju di seluruh negeri tersebut.
2. Sejak dari Januari 2018 hingga kini, Pos Malaysia telah menutup hanya sebuah pejabat pos iaitu yang terletak di Bangunan Rumah Persekutuan, Kota Kinabalu pada 4 Mac 2019. Ini merupakan satu langkah mengoptima penggunaan dan lokasi pejabat pos di sesuatu kawasan kerana terdapat 4 buah lagi pejabat pos berdekatan yang terletak pada jarak antara 850 meter dan 3.8 km. Oleh yang demikian, penduduk setempat masih lagi menerima perkhidmatan pos di kawasan tersebut.

SOALAN NO: 66

3. Namun begitu, Pos Malaysia senantiasa berusaha untuk meningkatkan capaian perkhidmatannya kepada para pelanggan. Sehubungan itu, Pos Malaysia telah merangka Pelan Transfomasi Niaga (*retail transformation plan*) dan merancang untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih meluas dan mesra pelanggan dalam 2 hingga lima tahun akan datang. Ini termasuk pelaksanaan model baharu penyampaian perkhidmatan pos seperti membuka lebih banyak pejabat pos di kompleks membeli-belah serta penambahan bilangan, dengan izin, *touchpoints* pos di kawasan-kawasan baharu dan pedalaman melalui usahasama dengan rakan niaga serta inovasi perkhidmatan melalui terminal layan diri.

Dengan *touchpoints* baharu yang akan menawarkan perkhidmatan seperti yang sedia ada di pejabat pos, lebih ramai rakyat akan dapat menikmati perkhidmatan pos yang lebih dekat dengan kediaman mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
(BAGAN DATUK)**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tahap kesediaan aset-aset Angkatan Tentera Malaysia bagi menghadapi sebarang kemungkinan ancaman terhadap kedaulatan negara pada masa akan datang kesan daripada perubahan geopolitik serantau atau dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sangat prihatin dan sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan tahap keupayaan dan kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa berada ditahap yang terbaik bagi menghadapi pelbagai ancaman terhadap kedaulatan negara pada masa akan datang kesan daripada perubahan geopolitik serantau atau global.

Bagi mencapai tujuan tersebut, kementerian sedang membangunkan Kertas Putih Pertahanan (KPP) yang akan merangkumi beberapa langkah penambahbaikan hala tuju pembangunan ATM berdasarkan kepada Dasar Pertahanan Negara (DPN), Strategi Ketenteraan Negara dan Pelan Pembangunan Keupayaan Dimensi Keempat Angkatan Tentera Malaysia (4D MAF) yang sedia ada.

Kementerian percaya dengan adanya Kertas Putih Pertahanan, pelan atau *roadmap* pembangunan keupayaan jangka panjang ATM yang komprehensif dengan kelengkapan yang berteknologi tinggi dan disepadukan dengan pembangunan modal insan yang berkualiti serta turut mengambilkira faktor pelbagai ancaman terhadap kedaulatan negara pada masa akan datang kesan daripada perubahan geopolitik serantau atau dunia akan dapat direalisasikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI ISMAIL BIN HAJI
MOHAMED SAID (KUALA KRAU)**

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kewajaran penamatan tugas kawalan keselamatan bagi anggota RELA di Pusat Khidmat Komuniti RELA seluruh negara. Apakah kesan terhadap tahap keselamatan komuniti memandangkan badan ini merupakan salah satu benteng pertahanan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah melaksanakan penugasan kawalan keselamatan anggota RELA di 99 buah Pusat Khidmat Komuniti RELA (PKKR) bermula pada Januari 2017. Ianya bertujuan bagi menjaga keselamatan setempat dan menjadi pusat aktiviti anggota RELA. Penugasan tersebut meliputi tugas rondaan keselamatan yang melibatkan seramai 295 orang anggota secara keseluruhan serta layak dibayar elaun bertugas.

Susulan penilaian semula keperluan penugasan dan kedudukan kewangan ketika itu, Jabatan RELA telah mengambil langkah untuk menamatkan penugasan yang melibatkan bayaran elaun tersebut pada 1 September 2018. Penamatan penugasan tersebut hanya membabitkan pembayaran elaun kepada anggota yang bertugas di PKKR. Namun, fungsi, peranan dan aktiviti-aktiviti PKKR secara keseluruhannya masih diteruskan demi menjaga keselamatan komuniti setempat.

Jabatan RELA telah mengambil langkah proaktif melalui pelaksanaan rondaan keselamatan secara sukarela di 157 daerah dengan menjadikan PKKR sebagai pusat operasi penugasan tersebut. Penugasan masih diteruskan sehingga ke hari ini dan mendapat reaksi yang positif dalam kalangan masyarakat terutamanya dalam aspek membantu mengurangkan kadar jenayah dan masalah sosial di kawasan yang terlibat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 69

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan dasar yang jelas Kementerian ketika merangka proses kemasukan pelajar ke kolej matrikulasi dan adakah dasar tersebut dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan program yang telah diwujudkan pada tahun 1999 dengan tujuan asal adalah untuk meningkatkan penyertaan pelajar bumiputera dalam bidang sains, teknologi dan profesional di universiti awam. Walau bagaimanapun, semenjak tahun 2003, program ini bukan lagi eksklusif untuk pelajar bumiputera sahaja kerana kuota 10 peratus tempat telah diperuntukkan kepada pelajar bukan bumiputera.

Dalam usaha menyediakan akses dan peluang pendidikan kepada yang layak untuk mengikuti Program Matrikulasi KPM, Kementerian komited melaksanakan hasrat Kerajaan dengan memberikan keutamaan kepada golongan berpendapatan rendah (B40). Justeru, sebanyak 60 peratus tempat di Program Matrikulasi KPM diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan B40 manakala baki 40 peratus diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan M40 dan T20.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 April 2019 telah bersetuju agar dasar pengambilan pelajar ke Program Matrikulasi KPM dikekalkan kepada 90 peratus untuk pelajar Bumiputera dan 10 peratus untuk pelajar bukan Bumiputera. Dasar pengambilan pelajar ke Program Matrikulasi adalah berdasarkan sistem meritokrasi dengan mengambil kira 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum dengan mengambil kira syarat-syarat kelayakan permohonan yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

RJM 133

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan rasionalnya Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 dibuat untuk Menteri melantik :-

- a. enam (6) orang ahli Jemaah Pengarah NAFAS; dan
- b. lima (5) orang ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 diwartakan pada 22 April 2019 dan berkuatkuasa pada 1 Mei 2019. Pindaan ini adalah meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- a) Komposisi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) iaitu tujuh (7) ahli yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) PPK dan lima (5) dilantik oleh Menteri serta Pengurus dipilih melalui undian majoriti;

NO SOALAN : 70

- b) Komposisi AJP di Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) terdiri daripada empat (4) ahli yang dipilih dalam MAT dan lima (5) dilantik oleh Menteri Pengerusi hendaklah dinamakan dari kalangan AJP dan diluluskan oleh Menteri;
- c) Komposisi AJP di NAFAS terdiri daripada lima (5) ahli yang dipilih dalam MAT dan enam (6) dilantik oleh Menteri, dan Pengerusi hendaklah dinamakan dari kalangan AJP dan diluluskan oleh Menteri;
- d) Satu penggal pemegangan jawatan terdahulu adalah bagi tempoh 3 tahun. Ianya kini dipendekkan kepada 2 tahun di mana tempoh maksimum pemegangan jawatan mestilah tidak melebihi 2 penggal (4 tahun); dan
- e) Kuorum bagi Mesyuarat AJP adalah tujuh (7) orang di semua peringkat PP.

Rasional bagi pelantikan enam (6) orang AJP di NAFAS dan lima (5) orang AJP di PPN adalah:

- a) Rombakan secara besar-besaran dalam kepimpinan Pertubuhan Peladang bagi memastikan Pertubuhan Peladang menjadi payung kepada golongan petani dan peladang;
- b) Mereformasikan kepimpinan Pertubuhan Peladang bagi memastikan tadbir urus Pertubuhan Peladang berjalan dengan baik agar kepentingan peladang terpelihara. Usaha ini adalah juga ke arah memberi satu anjakan agar pergerakan Pertubuhan Peladang terus maju ke hadapan untuk keesejahteraan ahli peladang; dan
- c) Melantik golongan profesional dari kalangan Pegawai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Kementerian Kewangan (MOF) bagi menggembung usaha ke arah memantapkan Pertubuhan Peladang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 18.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 71

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kementerian telah menjalankan pemeriksaan harga barang secara menyeluruh disebabkan oleh berlakunya peningkatan harga barang setelah Pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian ini sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan peniaga tidak mengambil keuntungan secara berlebihan dan membekalkan barang dengan harga yang berpatutan kepada pengguna. Kerjasama strategik dengan **Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)**, **Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)** dan **agensi-agensi berkaitan** akan diperkuuh dan dilaksanakan secara bersepodu.

Sejak pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang bermula pada 1 September 2018, Kementerian ini sentiasa menjalankan pemantauan berkala di seluruh negara melalui Pegawai Penguatkuasa dan Pegawai Pemantau Harga bagi memastikan harga barang di pasaran adalah berpatutan melalui **pelaksanaan Operasi Catut 5.0**.

Sepanjang tempoh pelaksanaan Operasi Catut 5.0, sebanyak **117,433 premis** telah diperiksa yang terdiri daripada peniaga di **kawasan bandar dan luar bandar**. Selain itu, **sebagai langkah proaktif, pemantauan harga barang** juga turut dilakukan secara konsisten oleh Pegawai Pemantau Harga ke atas pasaraya besar, pasaraya, pasar basah, pasar mini, kedai serbaneka 24 jam, kedai runcit dan premis makanan siap masak di seluruh negara. Hasil pemantauan ini akan digunakan sebagai **laporan trend harga barang** dan **tindakan penguatkuasaan** sekiranya berlaku kenaikan harga.

Bagi **tahun 2018 hingga 2019**, sebanyak **102 kertas siasatan** telah dibuka bagi kesalahan berkaitan pencatutan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 iaitu **82 kertas siasatan** di bawah **Seksyen 14(1)** kerana mencatut, **13 kertas siasatan** di bawah **Seksyen 21(5)** kerana enggan atau gagal memberi maklum balas kepada notis yang dikeluarkan dan **7 kertas siasatan** di bawah **Seksyen 53A** kerana tidak menyimpan rekod perniagaan

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 72

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu saluran televisyen khusus bagi mempromosikan bidang Sains Teknologi dan Matematik (STEM) dan mempromosikan Inovasi Sains bagi meningkatkan minat rakyat terutama kanak-kanak dan pelajar menceburi bidang Sains

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak bercadang untuk mewujudkan satu saluran televisyen khusus bagi mempromosikan mata pelajaran bidang Sainsm Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Walau bagaimanapun, pihak KPM telah menerbitkan satu rancangan TV realiti yang dinamakan Adiwira STEM dengan kerjasama KRU Studio Sdn. Bhd. dan sedang dalam proses untuk disiarkan di saluran Radio dan Televisyen Malaysia (RTM). KPM juga telah bekerjasama dengan RTM dan syarikat Epixaa untuk menerbitkan satu lagi rancangan TV realiti yang dinamakan Jurutera Muda. Rancangan ini juga sedang dalam proses untuk disiarkan di RTM.

Selain daripada itu, KPM juga mempunyai saluran penyiaran pendidikan secara *on demand* melalui portal EduWebTV. EduWebTV mengandungi sumber digital dalam pelbagai bidang merangkumi bidang STEM. Kandungan EduWebTV boleh diakses pada bila-bila masa di mana sahaja untuk pelaksanaan pembelajaran secara *ubiquitous learning*. Dari semasa ke semasa, KPM akan terus bekerjasama dengan pelbagai penerbit untuk menerbitkan rancangan TV bagi mempromosikan STEM.

Sekian, terima kasih.

RJM 155

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI HJ IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (TANAH MERAH)

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejak Januari hingga bulan lalu, berapa banyakkah pasport antarabangsa Malaysia hilang dan apakah tindakan menangani masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Statistik kehilangan Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) bagi 1 Januari hingga 30 Mei 2019 menunjukkan sebanyak 29,250 rekod dicatatkan, berbanding pada 1 Januari hingga 30 Mei 2018 yang merekodkan 32,444 unit pasport dilaporkan hilang. Meskipun statistik menunjukkan penurunan dalam jumlah kehilangan, Kerajaan melihat senario ini sebagai suatu yang membimbangkan dan sentiasa memberikan perhatian yang serius iaitu antara lainnya dengan mengadakan kempen atau program kesedaran di kalangan rakyat Malaysia agar lebih prihatin dalam menjaga keselamatan pasport milik masing-masing.

Punca kepada berlakunya kejadian kehilangan PMA ini adalah disebabkan oleh kecuaian iaitu sebanyak 20,502 laporan diterima manakala selebihnya adalah disebabkan oleh musibah yang di luar

kawalan seperti kecurian, kebakaran, bencana alam iaitu sebanyak 8,748 laporan diterima.

Pihak Kerajaan telah bersetuju agar pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melaksanakan pengenaan penalti bagi kes kehilangan/kerosakan PMA yang masih sah laku sebagai langkah pencegahan (*deterrent*) dan kawalan dalam memastikan pemilik pasport lebih bertanggungjawab dan berhati-hati terhadap dokumen pasport yang dipegang. Pengenaan penalti ini adalah berkuat kuasa pada 2 Januari 2019. Kadar penalti yang dipersetujui adalah seperti berikut:

Kali Pertama	:	RM200.00
Kali Kedua	:	RM500.00
Kali Ketiga dan seterusnya	:	RM1,000.00

Kerajaan turut bersetuju untuk mengecualikan pengenaan penalti (GRATIS) ke atas kerosakan/ kehilangan pasport oleh Warga Emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) serta kes kehilangan/ kerosakan yang tidak disengajakan seperti rompakan dan bencana alam dengan syarat untuk mengemukakan surat pengesahan daripada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 74

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan status permohonan pelajar India ke program matrikulasi untuk tahun 2019 dan tahun seterusnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk melaksanakan hasrat Kerajaan dengan menyediakan akses dan peluang pendidikan kepada yang layak untuk mengikuti Program Matrikulasi KPM dengan keutamaan kepada golongan berpendapatan rendah (B40). Justeru, sebanyak 60 peratus tempat di Program Matrikulasi KPM diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan B40 manakala baki 40 peratus diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan M40 dan T20. Selain itu, dasar pengambilan pelajar ke Program Matrikulasi KPM adalah berdasarkan sistem meritokrasi dengan mengambil kira 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum dengan mengambil kira syarat-syarat kelayakan permohonan yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2019, sebanyak 5,585 permohonan ke Program Matrikulasi KPM telah diterima daripada murid lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kaum India. Daripada jumlah berkenaan, sejumlah 1,991 tawaran telah dikeluarkan dan sehingga 30 Jun 2019, seramai 1,212 orang pelajar telah hadir dan mendaftar di Kolej Matrikulasi KPM seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

RJM 134

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 18 JULAI 2019

SOALAN

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengeluarkan sijil kewarganegaraan kepada kanak-kanak yang menjadi sah taraf dari tarikh pendaftaran perkahwinan ibu-bapanya (bapa adalah warganegara Malaysia) di bawah Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan, berikutan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. WA-25-198-10/2016 pada 2 Mei 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pasangan ibu bapa bukan beragama Islam yang telah memperolehi Perintah Deklarasi melalui Mahkamah untuk mengesahkan taraf anak tidak sah taraf mereka di bawah Akta Kesahteraan 1961 [Akta 60] boleh mengemukakan permohonan pendaftaran semula kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Dalam hal ini, JPN akan mengeluarkan Sijil Kelahiran baharu bagi anak tersebut. Walau bagaimanapun, taraf kewarganegaraan selepas proses pendaftaran semula Sijil Kelahiran adalah kekal seperti mana taraf kewarganegaraannya semasa kelahiran. Perkara ini adalah kerana kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran.

Bagi anak berumur bawah 21 tahun yang bertaraf Bukan Warganegara, ibu bapa atau penjaga yang sah boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan Malaysia melalui pendaftaran di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Pertimbangan adalah tertakluk kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, peraturan imigresen dan lain-lain. Berhubung dengan prosedur pengendalian standard (SOP) bagi pertimbangan permohonan kewarganegaraan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang memuktamadkan pengemaskinian SOP tersebut dengan mengambil kira pelbagai aspek iaitu kebijakan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 18.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 76

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam mengatasi kenaikan harga barang-barang keperluan secara mendadak seperti sayur di musim perayaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian ini sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi meminimakan kenaikan harga barang di dalam negara. Sehubungan itu, Kementerian telah melaksanakan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Deepavali dan Krismas**. Skim ini merupakan satu kaedah untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah akibat permintaan tinggi semasa musim perayaan. **Kawalan harga** ini dibuat bagi memastikan **harga barang tidak melonjak naik pada musim perayaan**. Selain itu, ia juga bertujuan untuk **memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan dengan mengaut keuntungan secara keterlaluan** pada musim perayaan.

Pada tahun ini juga atas keprihatinan kerajaan, tempoh pelaksanaan skim ini **telah dipanjangkan** iaitu daripada 15 hari kepada 30 hari bagi Hari Raya Puasa dan 7 hari kepada 14 hari bagi Hari Gawai. Pemanjangan tempoh ini adalah **bertujuan memastikan rakyat dapat membeli barang keperluan asas pada harga yang berpatutan seperti yang ditetapkan**.

Pada masa yang sama, Kementerian juga mendapat **kerjasama yang amat baik** daripada **Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)** dalam memastikan **bekalan makanan** khususnya yang melibatkan bekalan-bekalan ayam, ikan, daging dan sayuran **sentiasa mencukupi dan tidak terjejas** sekaligus memastikan harganya berada dalam kadar yang berpatutan.

Jumlah keseluruhan aduan yang diterima semasa pelaksanaan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)** sepanjang empat (4) musim perayaan pada tahun 2019 iaitu **Tahun Baru Cina , Hari Raya Puasa, Pesta Kaamatan** dan **Hari Gawai** adalah sebanyak **50 aduan**, iaitu:

- i. Tahun Baru Cina – 10 aduan;
- ii. Hari Raya Puasa – 25 aduan;
- iii. Pesta Kaamatan – 13 aduan; **dan**
- iv. Hari Gawai – 2 aduan

Bagi **SHMMP Hari Raya Puasa**, sebanyak **60,878 premis telah diperiksa** dan telah menghasilkan sebanyak **362 kes** yang melibatkan **Jumlah rampasan bernilai RM 46,623.39** dan **Jumlah kompaun bernilai RM 46,550.**

Manakala, bagi **SHMMP Pesta Kaamatan**, sebanyak **4,775 premis telah diperiksa** dan telah menghasilkan sebanyak **5 kes** yang melibatkan **Jumlah rampasan bernilai RM 194.80** dan **Jumlah kompaun bernilai RM 700.00.**

Bagi **SHMMP Hari Gawai**, sebanyak **4,515 premis telah diperiksa** dan telah menghasilkan sebanyak **2 kes** yang melibatkan **Jumlah rampasan bernilai RM 179.00** dan **Jumlah kompaun bernilai RM 200.00.**

Maklum balas daripada hasil pemantauan menunjukkan barang harga terkawal dijual mengikut harga maksimum pengeluar, borong dan runcit yang telah ditentukan Kerajaan. Malahan, **sesetengah barang harga terkawal didapati dijual lebih rendah dari harga maksimum yang telah ditentukan.** Scenario ini berlaku kerana persaingan yang sihat antara peniaga selain faktor penawaran dan permintaan yang seimbang di pasaran. Penentuan harga maksimum yang bersesuaian dengan paras harga pasaran semasa telah membantu pelaksanaan serta kelancaran perjalanan skim ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memastikan Bantuan Sara Hidup Nelayan akan dikekalkan, dan dipertimbangkan kenaikan bantuan tersebut berdasarkan kos sara hidup semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan elaun sara hidup nelayan telah diperkenalkan pada 1 Jun 2008 dengan kadar RM200 sebulan bertujuan untuk membantu golongan nelayan menangani kos sara hidup yang semakin meningkat. Melalui pembentangan Bajet 2015, kadar bantuan kepada nelayan zon A (nelayan tradisi pesisir pantai) telah dinaikkan kepada RM300 sebulan dan nelayan zon B serta zon C kepada RM250 sebulan. Pada masa yang sama, nelayan darat sepenuh masa juga buat pertama kalinya menerima bantuan tersebut pada kadar RM200 sebulan.
2. Namun begitu sejak bulan Januari 2019, kadar bantuan elaun sara hidup dikurangkan kepada RM200 sebulan susulan daripada kewangan semasa Kerajaan yang terhad. Bagi memastikan bantuan diberikan secara bersasar, hanya nelayan zon A dan awak-awak serta nelayan darat sahaja yang layak menerima bantuan elaun sara hidup ini.
3. Kementerian berpandangan bahawa pemberian bantuan elaun sara hidup kepada nelayan perlu dikekalkan. Namun begitu, pihak Kementerian dari semasa ke semasa akan mengkaji mekanisma dan kaedah yang terbaik bagi memastikan hanya nelayan yang benar-benar tulen dan layak sahaja dapat menerima manfaat daripada pemberian bantuan tersebut. Dalam masa yang sama, keperluan untuk menaikkan bantuan elaun sara hidup juga boleh dipertimbangkan dengan mengambil kira kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD [LIPIS]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 79

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan status terkini nasib pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan kontrak di sekolah yang telah ditamatkan perkhidmatan tanpa sebarang notis awal serta impaknya kepada pihak sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hanya terlibat dalam pelantikan kontraktor pembersihan dan keselamatan di sekolah dan Institusi Pendidikan. Manakala kontraktor yang dilantik bertanggungjawab dalam urusan pelantikan pekerja kebersihan dan pengawal keselamatan secara kontrak. Kontraktor baru yang dilantik kebiasaannya akan menggunakan khidmat pekerja kebersihan dan pengawal keselamatan sedia ada dan berpengalaman sebelum ini bagi memastikan kelancaran perkhidmatan dapat diberikan di sekolah dan Institusi Pendidikan. Walau bagaimanapun, kontraktor baru yang dilantik berhak memilih mana-mana pekerja yang difikirkan layak dan mampu melaksanakan tugas yang diberikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah status bantuan khas kepada pesawah sementara menunggu hasil tuaian padi tahun 2018 negeri Sarawak yang telah ditarik balik oleh Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2018, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM84,648,600 bagi bayaran Bantuan Khas Kepada Pesawah Sementara Menunggu Hasil Tuaian Padi yang melibatkan keseluruhan 141,081 orang terdiri daripada 84,865 orang pesawah padi biasa dan 56,216 orang pengusaha padi bukit di Sarawak. Peruntukan ini diberikan secara *one-off* selaras dengan Bajet 2018 yang diumumkan Kerajaan pada ketika itu sebagai bayaran ehsan kepada pesawah yang terjejas pendapatan dalam tempoh menunggu penuaian hasil. Berdasarkan rekod pihak Kementerian, sebanyak RM48,580,801 telah disalurkan menerusi waran belanja mengurus (OE) tahun semasa manakala sebanyak RM36,067,799 telah disalurkan daripada penjimatan peruntukan dalaman pihak Kementerian.

Walau bagaimanapun, Jabatan Pertanian Negeri Sarawak selaku agensi yang menguruskan pembayaran tersebut telah memaklumkan bahawa sehingga 31 Disember 2018, jumlah pembayaran yang telah dilaksanakan adalah sebanyak RM10,171,800 melibatkan bilangan pesawah dan pengusaha padi bukit seramai 16,953 orang.

Perkara ini berlaku antara lainnya kerana kelewatan tuntutan yang dibuat berikutan kawasan penanaman yang tertabur secara meluas (*scattered*) di seluruh negeri selain pemutihan yang dilakukan terhadap senarai pesawah. Selaras dengan prosedur tatacara kewangan semasa Kerajaan, maka baki peruntukan yang disalurkan menerusi waran belanja mengurus (OE) yang tidak dibelanjakan telah ditarik balik semasa penutupan akaun Kerajaan pada tahun semasa (2018). Justeru, memandangkan program Bantuan Khas Pesawah Sementara Menunggu Hasil Tuaian Padi ini adalah program berbentuk *one-off* pada tahun 2018, maka Kerajaan tidak dapat menyediakan peruntukan tambahan bagi program ini untuk tahun 2019 selanjutnya. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYURAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD
[MERSING]

TARIKH : 18 JULAI 2019, KHAMIS

SOALAN : 81

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah atau inisiatif Kementerian mengenai pembangunan modal insan dalam bidang teknologi digital bagi memperkuatkan bakat untuk peluang pekerjaan dalam era ekonomi digital serta memenuhi keperluan Industri 4.0.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui agensinya MDEC sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif dalam ekosistem pembangunan modal insan secara holistik, kondusif dan inklusif bagi memenuhi keperluan industri pada masa hadapan terutamanya dalam menuju era Industri 4.0.

Bagi memperhebatkan usaha pembangunan bakat teknologi sebagai komponen utama untuk memacu ekonomi digital, strategi dan program yang dilaksanakan adalah bermula dari peringkat sekolah, universiti dan seterusnya sehingga ke peringkat profesional.